

23/07/1999

Projek untuk jangka masa panjang: PM

Nasir Hassan

KOTA BHARU, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, segala projek pembangunan yang dilaksanakan kerajaan adalah untuk jangka panjang, bukannya suatu pembaziran.

Perdana Menteri berkata, apa yang dilakukan kerajaan ialah mengambil kira dan memikirkan keperluan masa depan negara.

Menurutnya, Kerajaan Pusat berpendapat jika hendak membina sesuatu projek mestilah dibuat untuk kegunaan bagi tempoh yang panjang, bukan untuk jangka masa singkat.

"Kita tidak membazir, kita fikir keperluan masa depan. Dalam sesuatu rancangan untuk pembangunan hendaklah fikir masa depan," katanya berucap di upacara memecah tanah projek pembinaan terminal baru Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa, dekat sini, petang ini.

Hadir sama ialah Pengerusi Malaysia Airport Berhad (MAB), Tan Sri Basir Ismail; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik; Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustapa Mohamed dan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa.

Beliau mengulas kenyataan pihak tertentu yang mendakwa beberapa projek yang dilaksanakan kerajaan, seperti pembinaan pusat pentadbiran kerajaan dan kediaman Perdana Menteri di Putrajaya, sebagai membazir.

"Kita perlu fikir keperluan 10 tahun, 100 tahun bahkan 300 tahun.

"Kita tahu, umpamanya kita membina Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang yang dirancang untuk keperluan 100 tahun daripada sekarang, bukan keperluan hari ini," katanya.

Beliau berkata, sebelum ini apabila kerajaan membangunkan sesuatu projek pembangunan, keperluan hanya dibuat pada masa itu saja kerana tidak merancang perkembangan pada masa depan.

Oleh itu, katanya, kerajaan terpaksa mengulangi kerja yang dibuat dahulu.

Perdana Menteri berharap pembinaan Putrajaya, juga boleh menampung keperluan dan 100 tahun daripada sekarang kediaman itu tidak akan dipindahkan.

"Ini menunjukkan bahawa kita prihatin nasib Perdana Menteri akan datang. Janganlah lempar fitnah kononnya kita membazir buat mahligai dan sebagainya.

"Apabila kita memikir bahawa Perdana Menteri akan datang mungkin mempunyai anak lebih daripada saya maka kita bina bilik yang lebih," katanya.

Beliau juga berkata, kemudahan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) boleh diperbesarkan untuk menampung keperluan penumpang bagi tempoh 10 tahun lagi kerana memiliki tanah mencukupi.

Dengan itu kerajaan tidak perlu membina lagi lapangan terbang lain kerana KLIA dapat menampung keperluan untuk 125 juta penumpang menjelang tahun 2100.

Seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Subang, dibina mengikut anggaran penggunaan seramai 400,000 penumpang setahun.

"Kita juga tidak boleh membesarkan lapangan terbang itu kerana keluasan tanahnya terlalu kecil kerana terdapat ramai penduduk berada di sekelilingnya.

"Ini tidak mengizinkan pembesaran lapangan terbang itu sehingga terpaksa pindah ke satu tempat yang boleh menampung lebih 100 tahun daripada

sekarang," katanya.

Beliau berkata, kerajaan membina KLIA di kawasan seluas 25,000 ekar yang menyediakan dua landasan yang boleh menampung penumpang seramai 25 juta setahun.

"Hari ini belum sampai ke angka itu. Jika ekonomi baik, kalau jangka masa 10 tahun permintaan adalah lebih 25 juta dan kita boleh membesarkan kemudahan di KLIA kerana ia memiliki tanah mencukupi.

"Dengan itu, kita boleh tambah satu, dua, tiga hingga lima, supaya dalam tahun 2100 umpamanya kita dapat menampung keperluan untuk 125 juta penumpang," katanya.

Beliau berkata, ini adalah cara kerajaan memikirkan pembangunan negara pada masa ini kerana tidak mahu menimbulkan masalah kepada kerajaan yang akan datang yang dijangka sukar mendapat kawasan bagi pembinaan lapangan terbang.

Berhubung pembinaan terminal di Pengkalan Chepa, Dr Mahathir berkata, beliau percaya terminal yang akan dibina itu boleh diperbesarkan tanpa perlu dipindahkan lagi.

"Ini kerana kalau kita perlu pindah sekali lagi, saya khuatir tidak ada tempat untuk memindahkan satu terminal.

"Kalau perlu membesarkan terminal pada masa depan, kita tidak perlu pindah kerana terminal itu boleh diperbesarkan," katanya.

Sehubungan itu, beliau berharap Kelantan juga akan turut mengalami perubahan, termasuk melalui projek pembinaan terminal baru itu.

"Saya harap rakyat Kelantan tentukan perubahan akan berlaku," katanya.

(END)